

31/07/1997

Salam pemangkin kemanusiaan

Radzi Wahab; Meor Hisham Zulkifli

PELANCARAN Yayasan Salam Malaysia, baru-baru ini, menjadi peristiwa penuh bermakna dalam sejarah negara. Penubuhannya membentuk satu pernyataan terhadap keutamaan kita sebagai satu bangsa Malaysia. Ia juga menjadi suatu manifestasi keprihatinan sosial yang melangkaui batas sempadan negara.

Paling penting pelancaran itu membuktikan kesungguhan negara memasuki alaf baru dan sekali gus menghakis anggapan umum terhadap bangsa Malaysia sebagai bangsa berpeluk tubuh sambil menunggu rezeki menggolek dan rezeki secupak menjadi segantang.

Sebaliknya, bangsa Malaysia menampilkan satu wajah baru yang disulami tekad bagi membuka mata dunia bahawa mereka tidak lagi menjadi masyarakat menadah tangan memohon ihsan dunia.

Sambil berganding bahu, bangsa Malaysia akan mengambil langkah sederhana untuk dikenali sebagai satu bangsa yang mampu berjuang serta membantu nasib masyarakat tempatan dan antarabangsa yang kurang bernasib baik.

Sehubungan itu, Yayasan Salam Malaysia (Salam) adalah manifestasi kesanggupan bangsa Malaysia mampu bersatu sebagai satu bangsa untuk memberikan bantuan kepada mereka memerlukan.

Tanpa mengira kaum, warna kulit dan pegangan agama, bangsa Malaysia akan mempunyai satu matlamat - menghulurkan bantuan kesukarelaan kepada masyarakat negara miskin, tertindas dan teraniaya.

Malah, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika melancarkan Salam pergi lebih jauh lagi apabila menyifatkan penubuhan yayasan itu yang akan membawa putera-puteri Malaysia berkhidmat secara sukarela ke seluruh pelosok dunia itu sebagai satu penzahiran kesyukuran terhadap pencapaian dan pembangunan ekonomi negara.

Baginya, tiada cara yang lebih baik untuk menzahirkan kesyukuran daripada menabur bakti kepada mereka yang kurang beruntung dan menolong bangsa lain.

"Kesyukuran itu harus disusuli dengan tindakan dan amal kebajikan. Tidak ada cara yang lebih baik untuk kita zahirkan kesyukuran kepada Allah selain daripada menabur bakti kepada masyarakat di dalam dan di luar negara yang memerlukan bimbingan, bantuan dan pertolongan.

"Mereka adalah masyarakat yang masih dalam keadaan daif seperti yang pernah kita lalui dahulu. Masyarakat yang memerlukan bantuan yang pernah kita sendiri terima dahulu," katanya ketika melancarkan Salam di Pusat Dagangan Dunia Putra.

Malah, katanya, secara tidak langsung penubuhan Salam akan menjadi pelengkap kepada usaha Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menaikkan imej negara.

Selepas Malaysia dikenali sebagai negara prihatin terhadap nasib masyarakat teraniaya serta tertindas, Salam membolehkan agenda serta langkah positif Perdana Menteri diteruskan dengan menyumbang bakti kepada masyarakat yang memerlukan pembelaan.

Tetapi, dalam konteks lain, yayasan itu turut menunjukkan bangsa Malaysia sebenarnya masih belum pupus dengan semangat kesukarelaan meskipun ramai yang menganggap semangat itu semakin pudar lantaran kekukuhan ekonomi negara.

Seperti kata Pengerusi Salam, Tan Sri Razali Ismail, kemajuan yang dinikmati oleh negara sekarang bukan bermakna kita tidak prihatin terhadap masalah kerja sukarela.

Malah, katanya, kita turut memandang berat terhadap semangat kesukarelaan ini yang perlu dibaja kembali supaya masyarakat yang lahir nanti akan menjadi masyarakat yang tidak lokek berkorban untuk orang lain, serta prihatin terhadap permasalahan sekitar.

Begitupun, jika dikaji, rakyat negara ini sebenarnya tidak kurang semangat kesukarelaan itu seperti dibuktikan melalui kegiatan gotong-royong atau membantu kariah masjid.

Tetapi dalam konteks dunia lebih moden, semangat itu perlu beralih kepada kegiatan lebih jitu melalui penonjolan di dalam dan luar negara.

Salam, pertubuhan bebas bukan kerajaan yang tidak mencari keuntungan ditubuhkan pada 21 November 1996 dengan tujuan mengembangkan lagi semangat dan perkhidmatan kesukarelaan menjurus kepada pendidikan, kesihatan dan kegiatan pembangunan masyarakat.

Falsafah asas Salam berteraskan konsep setiap individu dalam semua golongan masyarakat berhak hidup dalam persekitaran sosial yang adil serta saksama dan tidak mengangap kaum, adat dan budaya, agama sebagai sebab untuk tidak bersatu atau bekerjasama.

Sehubungan itu, Salam mengangap kerja sukarela sebagai kerja yang amat bermakna dan berkesan untuk membantu masyarakat menjalani kehidupan lebih baik.

Oleh itu, tidak hairanlah sejak diumumkan Mei lalu, yayasan itu sudah mempunyai lebih 1,000 ahli profesional dalam pelbagai bidang seperti guru, doktor dan peguam bagi menyahut seruan Salam menghulur bakti kepada yang memerlukan.

Golongan itu menjadi keutamaan kerana Salam berpendapat adalah lebih penting untuk menempatkan sukarelawan yang berkualiti serta berkaliber sebagai wakil negara di seberang laut kerana imej negara harus dikekalkan.

Melalui profesion masing-masing, petugas itu akan dihantar ke negara yang memerlukan khidmat mereka seperti di Indochina, Afrika, Amerika Latin, Fiji dan Papua New Guinea.

Bagaimanapun, mereka yang belum mempunyai pengalaman, Salam akan membimbing mereka memenuhi impian memberi bantuan kemanusiaan.

Begitupun, konsep utama pemergian generasi muda itu ke seluruh dunia bukan untuk mendapat habuan serta memupuk ideologi Malaysia, tetapi sekadar membawa 'salam' negara, tanpa merasakan diri mereka golongan terbaik, sebaliknya atas dasar tanggungjawab sesama manusia dan insan.

Lantaran itu, Razali berkata, Salam akan bertindak sebagai pertubuhan yang bertanggungjawab mengendalikan kerja sukarela berorientasikan identiti Malaysia, mengikut acuan kita sendiri dengan tidak mengetepikan budaya dan cara hidup tempatan atau masyarakat yang dibantu.

"Salam tidak berhasrat mengenakan hala cara kita ke atas masyarakat luar negara. Malah kita mahukan konsep 'bottom up approach' dipraktikkan sukarelawan Salam dengan kita tidak bersikap mendabik dada serta angkuh kerana merasakan kita lebih maju dan bertamadun daripada masyarakat yang dibantu," katanya.

(END)